

# Saya tidak mahu musuh sesiapa - Anwar

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Perdana Menteri menegaskan beliau tidak pernah terlintas membalas dendam atau memusuhi sesiapa walaupun pernah berdepan pelbagai penderitaan termasuk dipenjarakan.

Menurut Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau juga tidak pernah menganaktirikan empat negeri pembangkang di bawah Perikatan Nasional (PN), malah menambah peruntukan termasuk kepada Kedah.

Kata beliau, tidak ada ertinya beliau menjadi seorang Perdana Menteri yang menzalimi orang lain dan berdendam dengan pihak-pihak tertentu.

“Saya tahu apa itu fitnah, saya tahu apa erti sakit bila dipukul, saya tahu bagaimana hidup derita dalam lokap dan saya tahu seksanya Azizah (Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail) dan anak-anak.

“Saya ada kuasa sebagai Perdana Menteri tetapi bukan untuk siasat kerana itu kerja polis dan SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia), mendakwa itu kerja peguam dan menjatuh hukum kerja hakim. Bukan kerja Anwar Ibrahim,” katanya.

Beliau berkata demikian ke-



**ANWAR Ibrahim bersalaman dengan Muhammad Sanusi Md. Nor ketika menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani di Hotel Raia, Alor Setar, Kedah semalam. - MINGGUAN/SHAHIR NOORDIN**

tika berucap dalam Himpunan Madani Kedah 2023 di Dataran Stargate, di sini.

Kata Anwar, situasi politik hari ini bukan semata-mata untuk mengangkat beliau ke jawatan itu tetapi untuk meletakkan kepercayaan rakyat terhadap kepimpinan yang tidak melakukan perkara tidak sepatutnya.

“Apa niat, mengapa saya nak kerja ini (sebagai Perdana Menteri) saya bukan muda lagi, ini kerana saya mahu jaga dan bela rakyat negeri ini dan bukan nak

timbulkan kebencian kerana hak rakyat nak undi siapa atau pilih parti mana.

“Saya tidak datang untuk memusuhi sesiapa. Saya nyatakan sudah sampai masa Kedah dan Malaysia ini kita bangunkan semula. Rakyat yang perlu pertahankan integriti. Kepimpinan itu satu tanggungjawab dan bukan keistimewaan,” katanya.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor berkata: “Hari ini

(semalam) adalah hari aman”.

Beliau mengiringi Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan memberi komen ringkas itu ketika disapa pemberita dalam majlis Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani di Hotel Raia, di sini.

Sebelum ini, rumah terbuka itu menjadi polemik antara kerajaan dan pembangkang apabila pertama kali dianjurkan di Kedah dan lima lagi negeri berbanding kelaziman di Seri Perdana, Putrajaya.